

28/01/2003

Prestasi Exco dinilai parti masing-masing

GEORGETOWN: Semua ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Pulau Pinang, termasuk Ketua Menteri, akan dinilai prestasi oleh pimpinan parti masing-masing sebelum diputuskan sama ada akan dicalonkan semula pada pilihan raya umum akan datang.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata semua ahli Exco sedar bahawa tiada yang kekal, sekali gus perlu menyerahkan keputusan kepada pimpinan tertinggi Barisan Nasional (BN) serta parti untuk menilai prestasi mereka.

"Pada akhir penggal, setiap ahli politik dan pemimpin BN khususnya, termasuk diri saya akan dinilai dan kita terima semua keputusan," katanya

selepas menghadiri perasmian Bengkel Klinikal/Perubatan Sukan Konfederasi

Bola Sepak Asia (AFC) di Hotel E&O, semalam.

Koh yang juga Pengerusi BN negeri mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin.

Berikutan itu, Koh berkata, calon BN untuk negeri ini akan diputuskan sebelum pilihan raya akan datang kerana masih ada masa untuk berbuat demikian daripada mengumumkannya sekarang.

Katanya, ini kerana semua Exco masih perlu dinilai prestasi masing-masing.

Bagaimanapun, beliau berkata, secara amnya prestasi Exco di Pulau Pinang menunjukkan mereka bekerja kuat dan ia terbukti dengan program, projek serta aktiviti yang dilaksanakan.

"Walaupun ada projek atau program yang menghadapi masalah, tetapi kita sentiasa bersikap positif. Ini tidak bermakna tidak ada pembaharuan, walaupun prestasi agak memuaskan.

"Kita beri peluang kepada pemimpin muda untuk muncul. Sebab itu kita akan buat penilaian dan kami juga akan dinilai," katanya.

Koh berkata, ibu pejabat BN sudah menerima laporan mengenai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pulau Pinang dari semasa ke semasa.

Katanya, penilaian menyeluruh di peringkat kebangsaan akan dibuat pada masa sesuai, terutama di peringkat parti komponen masing-masing dan dalam

konteks pucuk pimpinan BN.

"Laporan masih belum selesai, tetapi penilaian adalah proses berterusan

dan keputusan muktamad belum lagi dibuat," katanya.